

08 FEB 2001

Malaysia-Singapura

ISU TERTANGGUH SELESAI BERASASKAN MENANG MENANG, KATA SYED HAMID

SINGAPURA, 8 Feb (Bernama) -- Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata penyelesaian isu yang tertangguh dengan Singapura akan berdasarkan menang menang.

Beliau berkata seperti Singapura, Malaysia ingin menyelesaikan isu tersebut, sebagaimana yang dipersetujui oleh pemimpin kedua-dua negara, ia dapat memberikan kepuasan hati kepada kedua-dua pihak.

"Ia bukan soalan menguntungkan hanya satu pihak. Itu bukanlah caranya kami berbincang. Mari kita beri tumpuan hakikatnya kedua-dua pihak telah bersetuju isu, yang tertangguh perlu ada penyelesaian, ia tidak boleh tertangguh selama-lamanya," katanya kepada pemberita pada hari kedua lawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke sini.

Akhbar di Singapura melaporkan hari ini republik itu telah melanjutkan tarikh akhir 10 Feb, bagi menyelesaikan penempatan semula stesen kereta api Tanjung Pagar di sini.

Pemindahan stesen kereta api Tanjung Pagar berada di bawah Points of Agreement (POA) 1990 antara kedua-dua negara, tetapi perbezaan pendapat timbul berkaitan isu itu.

Syed Hamid berkata sejajar dengan keputusan para pemimpin, Malaysia berminat menyelesaikan isu tersebut sebagai pakej dan tidak secara berasingan.

"Apabila rangka kerja am telah dipersetujui, ia bukanlah soalan Singapura memberi konsesi atau Malaysia melewatkannya. Malaysia juga seperti Singapura berminat untuk menyelesaikan isu tersebut," katanya.

Goh berkata kepada pemberita selepas pertemuan dengan Abdullah semalam, Singapura bersetuju secara prinsip cadangan Malaysia untuk menukar stesen kereta api Tanjung Pagar ke lokasi yang baru, ke Kranji dan bukan ke Woodlands atau Bukit Timah sebagaimana yang dipersetujui di bawah POA.

Cadangan itu termasuk menghubungkan stesen kereta api di Kranji dengan Johor melalui terowong bawah tanah.

Syed Hamid berkata perbincangan berkaitan pakej itu berada di atas landasan, selepas menteri kanan Singapura Lee Kuan Yew melawat Kuala Lumpur Ogos lepas, yang mana beliau telah menemui Dr Mahathir.

"Ia bergerak pada arah yang betul. Kita telahpun berada di sana. Jika anda tanya saya tahun lepas atau dua tahun lepas, saya tidak tahu pada masa itu kita jauh.

"Tetapi jika anda tanya sekarang, saya fikir ia hampir menemui penyelesaian, kita telah mengenal pasti bidang-bidangnya, jadi saya tidak akan katakan ia masih tertangguh," katanya.

Pakej itu juga termasuk perjanjian bekalan air yang baru bagi Singapura, simpanan pencen pekerja rakyat Malaysia di Singapura dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara Singapura.

Abdullah menyatakan semalam Malaysia akan terus membekalkan air ke Singapura dan perinciannya sedang dibuat berkaitan harga.

Singapura bergantung kepada Malaysia kebanyakan keperluan airnya, melalui dua perjanjian yang masing-masing akan tamat pada tahun 2011 dan 2061.

-- BERNAMA

TCL RI